

# Pemimpin2 digesa nilai semula kesan kepimpinan

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru pemimpin semua peringkat menilai semula kesan kepimpinan dan menghayati ciri-ciri kepimpinan berhemah tinggi.

Dalam buku cenderamata untuk kempen Kepimpinan Melalui Teladan yang akan beliau lancarkan sendiri Sabtu ini, Perdana Menteri berkata, melalui kepimpinan demikian, "kita akan dapat menggembleng sepenuh tenaga anggota kerajaan ke

arah mencapai cita-cita negara.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua pemimpin di semua peringkat sektor awam, yang diberi amanah oleh rakyat bagi mentadbir negara supaya menilai semula kesan kepimpinan dan seterusnya mengambil tindakan mengamal dan menghayati ciri-ciri kepimpinan yang berhemah tinggi," ujarnya.

## Berkesan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah melancarkan kempen Kepimpinan Melalui Teladan adalah selaras dengan matlamat meningkatkan mutu dan daya pengeluaran jentera pentadbiran kerajaan, mewujudkan perkhidmatan bersih, cekap dan amanah, demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Buku cenderamata itu telah diedarkan kepada pegawai-pegawai yang menyertai kempen itu di seluruh negara.

Pengerusi Jawatankuasa Induk kempen, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi pula berkata, kepimpinan yang berkesan akan mewujudkan suasana bekerja yang sihat dan seterusnya meningkatkan daya pengeluaran dan menghasilkan perkhidmatan bermutu tinggi, selaras dengan aspirasi bangsa, agama dan negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman, bagi pihak semua pekerja awam, melafazkan ikrar dan azam untuk menunjukkan contoh teladan dan kepimpinan yang bermutu tinggi.

Bellau berharap, kepimpinan seperti itu akan menggerak dan meningkatkan mutu dan daya pengeluaran, sebagai sokongan kepada kerajaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia